



## Dollah terkilan

Oleh [Asrol Awang](#) - Oktober 12, 2022 @ 1:20pm  
[sukanteam@NSTP.COM.MY](mailto:sukanteam@NSTP.COM.MY)



Pemain Sri Pahang FC, Mohamad Muslim Ahmad mengasak pemain Sabah FC, Muhammad Farhan Roslan di Stadium Darul Makmur. - NSTP/Farizul Hafiz Awang

KUANTAN: Pengendali Sri Pahang FC, Datuk Dollah Salleh terkilan skuadnya tewas 1-2 di tangan Sabah FC pada aksi Liga Super di Stadium Darul Makmur, malam tadi.

Bekas pemain kebangsaan itu berkata, kekalahan itu sememangnya tidak dijangkakan selepas skuad itu berjaya menjaringkan gol pendahuluan lima minit sebelum perlawanan berakhir.

"Bagaimanapun, selepas jaringan itu, pemain hilang fokus dan kita mempersia-siakan peluang yang ada untuk mengutip tiga mata.

"Sepatutnya kita lagi kuat dan agresif tetapi jaringan itu membuatkan kita jadi lemah pada minit-minit terakhir.

"Kita melepaskan peluang begitu sahaja yang menyaksikan Sabah menjaringkan dua gol sekali gus mencatat kemenangan," katanya.



Pengendali Sri Pahang FC, Datuk Dollah Salleh.

Pada perlawanan itu, Sri Pahang menjaringkan gol pendahuluan menerusi tandukan Steven Rodriguez pada minit ke-85.

Namun, Sabah bangkit daripada ketinggalan dengan menjaringkan dua gol hasil sentuhan Dominic Tan pada minit ke-89 dan Taesu Park pada masa kecederaan.

Di sebalik kekalahan itu, Dollah berkata, peluang masih lagi terbuka untuk skuad Tok Gajah memperbaiki kedudukan.

Berdasarkan kedudukan semasa, katanya, Sri Pahang boleh menamatkan saingan di kedudukan ketujuh berbanding kelapan selepas mengharungi 21 perlawanan.

"Saya harap pemain dapat menamatkan aksi liga untuk berada di kedudukan ketujuh atau kelapan," katanya.



Penjaga gol pasukan Sri Pahang FC, Mamadou Samassa menyelamatkan cubaan gol oleh pasukan Sabah FC pada saingan Liga Super 2022, di Stadium Darul Makmur, malam tadi. - NSTP/Farizul Hafiz Awang



Pemain Sri Pahang FC, Mohamad Muslim Ahmad diasak pemain Sabah FC, Saddil Ramdani pada saingan Liga Super di Stadium Darul Makmur, malam tadi. - NSTP/Farizul Hafiz Awang



Pemain Sabah FC, Dominic Tan Jun Jin meraikan kemenangan bersama rakan sepasukan. - NSTP/Farizul Hafiz Awang